

Berita Kuala Lumpur City News BANDARAYA

Layari Berita Bandaraya di www.dbkl.gov.my
Bil.3 Mac 2006/Safar 1427H

ISSN 1675-1876 Naskhah Percuma

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

UNIT PERKHIDMATAN PELANGGAN

Selaras dengan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 1 Tahun 2005, satu unit telah ditubuhkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Unit ini diberi nama Unit Perkhidmatan Pelanggan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di mana fungsi utama unit ini adalah untuk membantu para pelanggan bagi mendapatkan maklumat dan khidmat nasihat.

Unit ini akan memberikan pelbagai jenis perkhidmatan kepada pelanggan melalui penyediaan khidmat pelanggan di mana terdapat tiga bahagian utama iaitu Bahagian Khidmat Pelanggan, Bahagian Aduan dan Kaunter Borang Permohonan. Seramai 24 orang kakitangan ditempatkan di unit ini bagi membantu warga kota.

Setiap bahagian mempunyai skop kerja yang berbeza di mana Bahagian Khidmat Pelanggan bertanggungjawab menjawab panggilan dan juga melayani pelanggan yang datang berurusan. Bahagian Aduan pula bertanggungjawab menerima, merekod dan menyelaras permasalahan yang dihadapi oleh warga kota berkaitan perkhidmatan DBKL manakala Kaunter Borang Permohonan pula mengurus permohonan kelulusan pelan perancangan, permit, pembangunan, semakan, pendaftaran dan sebagainya.

Antara fungsi-fungsi lain Unit Khidmat Pelanggan ialah:

- Memberi penerangan dan maklumat berkaitan agensi kepada pelanggan yang datang berurusan. Antara maklumat yang boleh didapati

adalah maklumat asas agensi, perkhidmatan yang ditawarkan, dasar, undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan perkhidmatan yang diberi. Pelanggan juga boleh mendapatkan borang permohonan dan penerangan mengenai prosedur yang terlibat dalam mendapatkan perkhidmatan daripada agensi.

b) Membekalkan dokumen yang dikeluarkan oleh agensi seperti risalah, buku panduan dan pekeliling kepada pelanggan.

c) Memberi panduan dan tunjuk arah kepada pelanggan ke tempat-tempat yang ingin dituju seperti bilik mesyuarat, bahagian, seksyen atau unit tertentu.

d) Menerima aduan atau maklum balas dan cadangan daripada pelanggan untuk disalurkan kepada Unit Pengurusan Maklumat Pelanggan.

e) Menyemak borang permohonan yang dikemukakan oleh pelanggan bagi memastikan borang yang telah diisi adalah betul, lengkap dan teratur sebelum borang berkenaan diserahkan oleh pelanggan kepada petugas kaunter perkhidmatan.

f) Memberi maklumat mengenai status permohonan yang dikemukakan oleh pelanggan.

Dengan penubuhan unit ini sesuatu urusan dapat dipercepatkan kerana segala urusan kini dapat dilakukan setempat tanpa perlu pergi ke setiap jabatan bagi mendapatkan perkhidmatan.

DARI MEJA DATUK BANDAR



Satu dunia kini sedang dilanda kebimbangan dengan penularan penyakit Selsema Burung atau dikenali juga dengan nama saintifiknya *Avian Influenza, H5N1*. Liputan tentang penyakit ini sering kali dapat dilihat di media cetak mahupun melalui media elektronik. Dengan penularan penyakit ini, ramai warga kota kini mengambil langkah yang drastik seperti tidak menjadikan haiwan-haiwan ini sebagai salah satu sumber makanan mereka lagi. Perkara ini tidak sepatutnya berlaku kerana terdapat beberapa cara pengendalian makanan dan haiwan-haiwan ini yang boleh diamalkan bagi memastikan virus ini tidak berjangkit kepada manusia.

Warga kota boleh mengamalkan beberapa cara perlindungan ketika mengendalikan penyediaan makanan bagi mencegah penularan wabak ini. Antara lain mengamalkan pemakaian topeng mulut dan hidung, memakai apron, sarung tangan dan boot (apabila mengunjungi ladang-ladang ternakan haiwan-haiwan atau ke pasar basah). Tangan pula harus selalu dibasuh dengan air yang bersih ketika mengendalikan haiwan ini. Bukan itu sahaja, saya ingin menasihatkan agar warga kota mengamalkan kebersihan ketika mengendalikan daging mentah. Dengan pengamalan kebersihan yang tinggi, penularan wabak ini dapat dibendung.

Sungguhpun virus ini menjangkiti unggas (ayam, itik, burung dan sebagainya), ianya masih selamat bagi manusia untuk menggunakan haiwan ini sebagai sumber makanan. Kita tidak perlu mengelak daripada makan ayam, itik dan burung. Daging-daging binatang ini serta produk-produknya yang dijual di pasaran yang dibersihkan serta dimasak dengan sempurna adalah selamat untuk dimakan. Untuk pengetahuan semua, virus

H5N1 ini adalah sensitif terhadap haba. Oleh itu suhu memasak (70°C dalam semua bahagian burung yang dimasak) akan membunuh virus tersebut di mana warga kota harus memastikan semua bahagian binatang tersebut masak sepenuhnya. Telur burung ini juga adalah selamat dimakan, namun begitu pastikan telur-telur ini dimasak terlebih dahulu.

Ingin saya berpesan kepada warga kota agar mengambil langkah berjaga-jaga apabila berkunjung ke negara-negara yang serius dilanda masalah Virus Selsema Burung ini. Elakkan daripada mengunjungi ladang-ladang ternakan ayam, itik dan burung. Selain itu saya ingin juga menasihatkan mereka agar tidak pergi ke pasar-pasar basah di negara-negara berkenaan. Sungguhpun jangkitan terhadap manusia tidak banyak dilaporkan, namun kita haruslah sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga kerana mencegah itu lebih baik daripada mengubati.

Bulan ini juga adalah bulan di mana berlangsungnya *Ambank Kuala Lumpur International Marathon 2006 (Ambank KLIM 2006)*. Setakat ini *Ambank KLIM 2006* mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada peserta dalam dan luar negara. Pada tahun ini penyertaan maraton dibuka dengan sebelas kategori. Terdapat dua penambahan dua kategori baru iaitu kategori 'Fun Run-Men' dan 'Fun Run-Women' di mana had umur yang terendah bagi peserta untuk menyertai kategori ini ialah 13 tahun. Ini merupakan salah satu langkah untuk menggalakkan semua lapisan warga kota untuk bersukan. Apabila bersukan, badan menjadi sihat dan otak menjadi cerdas. Dengan ini kita dapat melahirkan generasi-generasi yang aktif dan kreatif.

Dengan adanya aktiviti-aktiviti seperti ini, diharap Kuala Lumpur suatu masa kelak akan menjadi salah satu bandar sukan di dunia. Selain itu, ia juga boleh menggalakkan pelancongan serta menjadikan sukan sebahagian produk pelancongan untuk Malaysia.

Pandangan

Berita Bandaraya akan menjadi sumber informasi mengenai perkhidmatan dan aktiviti-aktiviti DBKL khususnya kepada warga kota dan orang ramai amnya. Pandangan anda mengenai perkhidmatan DBKL hendaklah dialamatkan kepada: **Sidang Redaksi Berita Bandaraya, Unit Hal Ehwal Awam & Antarabangsa, Tingkat 5 Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur. e-mel: akhbar@dbkl.gov.my Tel: 03-2617 9803 Faks: 03-2694 1373.** Sila nyatakan nama, jawatan, agensi, alamat surat-menyurat, nombor telefon, faksimili dan alamat e-mel semasa menghantar pandangan anda. Terima kasih.

Sidang Redaksi

Penasihat: Y. Bhg. Datuk Hj. Ruslin Bin Hj. Hasan
Ketua Editor: Tuan Hj Salleh Bin Yusup
Editor: Anwar Bin Mohd Zain
Sub-Editor: Nur Diana Bt Md Ghazali
Jurufoto: Abd. Rhani Bin Md. Shohor
Md. Ismail Bin Isnin

SELSEMA BURUNG



Tanda-tanda klinikal jangkitan Virus Selsema Burung - Gambar daripada Jabatan Perkhidmatan Haiwan WP Kuala Lumpur

Selsema burung atau nama saintifiknya Avian Influenza adalah sejenis penyakit berjangkit di kalangan ayam, itik dan burung di mana binatang-binatang liar adalah merupakan pembawa bagi virus ini. Virus ini adalah virus yang menular di kalangan spesies-spesies binatang itu sendiri tetapi di dalam kes-kes yang berasingan, ianya telah melangkaui teori ini dan menjangkiti manusia. Walaupun kebiasaannya ia tidak menular kepada manusia tetapi kejadian di Vietnam dan Thailand telah menunjukkan sebaliknya. Kejadian yang sama pernah berlaku di Hong Kong pada tahun 1997 di mana seramai 19 orang telah dijangkiti dengan Avian Influenza dengan mencatatkan 6 kematian.

Avian Influenza yang kini sibuk diperkatakan adalah disebabkan oleh Virus Influenza jenis A. Virus ini mempunyai pelbagai jenis sub-type dan wabak yang dilaporkan sekarang disebabkan oleh jenis virus H5N1. H5N1 menyebabkan kadar kematian ternakan yang tinggi di kalangan ayam ternakan sehingga 100% selalunya dalam tempoh 48 jam.

Penularan penyakit di kalangan haiwan ini berlaku melalui cecair daripada hidung dan mulut serta najis. Dalam najis yang tercemar, virus ini boleh bertahan sehingga 30 hari. Melalui kes-kes yang telah berlaku didapati virus ini boleh menjangkiti manusia melalui kontak secara terus dengan ayam, itik dan burung yang berpenyakit. Manusia boleh juga terdedah kepada virus ini melalui pengendalian najis yang mengandungi virus dan air yang tercemar dengan najis yang ini. Salah satu faktor lain penularan wabak ini di kalangan manusia ialah apabila najis yang mengandungi virus mencemari barang-barang dan pakaian. Virus tersebut bukan sahaja boleh didapati pada haiwan dan najis tetapi ia juga boleh hidup pada kulit telur yang telah dicemari najis yang mengandungi virus ini.

Apabila H5N1 menjangkiti manusia, beberapa gejala akan berlaku. Gejala ini adalah sama seperti penyakit selsema yang biasa iaitu demam dengan suhu badan yang tinggi ($>39^{\circ}\text{C}$), sakit tekak dan batuk. Sesak nafas disebabkan radang paru-paru (pneumonia) juga boleh berlaku di kalangan kes-kes yang serius dan teruk. Disebabkan oleh daya tahap ketahanan kanak-kanak dan orang tua yang lebih rendah berbanding dengan orang dewasa biasa, ianya boleh membiak dengan lebih cepat dan, kesannya juga adalah lebih teruk dan serius.

Pada masa ini kebanyakan kematian yang berlaku adalah di kalangan kanak-kanak.

Mereka yang bekerja di ladang-ladang ternakan ayam, itik, burung dan juga mereka yang mempunyai kontak terus dengan haiwan-haiwan yang telah dijangkiti mempunyai risiko jangkitan yang tinggi. Pengendalian, pemusnahan juga tidak terkecuali daripada risiko ini.

Pelbagai cara boleh diaplikasikan bagi melindungi diri daripada terdedah dengan virus tersebut. Cara terbaik adalah dengan mengamalkan pemakaian topeng mulut dan hidung, sarung tangan, apron dan but. Tangan hendaklah kerap dibasuh dengan air yang bersih dan amalan kebersihan semasa mengendalikan daging yang mentah harus dititikberatkan bagi mengelakkan penularannya. Lain-lain peraturan kawalan yang dikeluarkan oleh pihak berkenaan juga boleh diamalkan bagi membendung wabak tersebut.

Buat masa ini, vaksin yang sedia ada tidak berkesan kerana ianya hanya melindungi manusia daripada influenza jangkitan manusia sahaja dan bukanlah influenza daripada jangkitan haiwan. Setakat ini Pertubuhan Kesihatan Sedunia tidak membuat sebarang sekatan lawatan ke negara-negara yang terbabit dengan virus ini. Walau bagaimanapun orang ramai adalah dinasihatkan supaya tidak melawat ladang-ladang ternakan ayam, itik, burung atau pasar basah di negara yang terlibat dengan penyakit ini ketika melawat negara berkenaan.

Haiwan atau hasil produk daripadanya yang dijual di pasaran yang dibersihkan dan dimasak dengan sempurna adalah selamat untuk dimakan. Oleh itu adalah tidak perlu bagi manusia memberhentikan pengambilan sumber makan ini.